

Graduan berinovatif

SAFRI ALI

KOTA SAMARAHAN, Ahad — Universiti mesti membekalkan kepada negara graduan yang bersifat keusahawanan, inovatif, berkeyakinan tinggi serta tidak mementingkan diri sendiri bagi merealisasikan impian negara untuk mencapai tahap negara maju.

Ketua Menteri Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud berkata, sebuah negara maju bukan hanya dilihat dari bangunan yang tinggi mencakar langit tetapi memerlukan individu yang positif dan inovatif, tidak mengimpikan hanya untuk makan gaji sebaliknya mampu menyediakan peluang untuk menyara gaji orang lain.

Malah, menurutnya, sebuah negara yang maju tidak hanya mengharapkan masyarakatnya memperdagangkan hasil bumi negara, tetapi mampu memperdagangkan idea di pentas dunia.

"Negara dan masyarakat tidak perlu individu yang bijak tetapi hanya mementingkan diri sendiri. Mereka ini hanya akan menjadi parasit kepada hasrat dan impian bangsa dan negara yang mahu menjadi sebuah negara maju yang hanya sedekad lagi untuk direalisasikan," katanya ketika berucap di Majlis Konvokesyen Ke-14 (Sidang Ketiga) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di sini hari ini.

Ketua Menteri berkata, graduan sebagai seorang yang berilmu harus mengamalkan etika yang tinggi dan sentiasa meletakkan kepentingan bangsa dan negara dahulu, bertanggungjawab besar untuk memacu kemajuan negara dan bangsa Malaysia.

Katanya, masyarakat mempunyai harapan yang tinggi kepada golongan berilmu untuk terus memajukan negara ini pada masa akan datang.

Pehin Sri Taib berkata, bagi membolehkan para graduannya memberikan khidmat yang relevan kepada negara dan masyarakat, universiti perlu menilai program pembelajaran dan pendidikan untuk memastikan penyampaian maklumat dan kemahiran yang relevan kepada pelajarnya.

"Saya mengucapkan tahniah kerana UNIMAS sentiasa meletakkan keperluan semasa negeri ini dalam penyelidikan yang dijalankan."

PEHIN SRI HAJI
ABDUL TAIB MAHMUD
Ketua Menteri Sarawak



TAHNIAH ... Pro Canselor UNIMAS, Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud bersama Datu Dr. Hatta Solhi dan Prof. Dr Khairuddin merakamkan gambar kenangan bersama penerima Anugerah Canselor, Frannely ak. Francis, selepas Majlis Konvokesyen Ke-14 UNIMAS, di Kota Samarahan, semalam. • AWANG KUSHAIRY JUNAIDI

"Ini amat penting kerana ilmu sentiasa berubah dan bertambah, teknologi sentiasa berubah, adalah penting pelajar dibekalkan dengan keinginan dan kebolehan untuk mengamalkan budaya pembelajaran sepanjang hayat supaya mereka sentiasa relevan dengan perubahan di sekeliling," ujarnya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada UNIMAS kerana sentiasa berusaha untuk membimbing pelajar kerana bukan sahaja untuk kecemerlangan tetapi juga relevensi melalui pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh pelajar UNIMAS di peringkat nasional dan persada antarabangsa.

"14 tahun sejak konvokesyen pertama UNIMAS sudah melahirkan ramai graduan yang telah mengisi kekosongan dan menjadi peneraju di pelbagai sektor awam dan swasta negara," katanya.

DARI MUKA 1

Dalam pada itu, katanya, penglibatan aktif UNIMAS dalam Projek Pembangunan Wilayah Tengah Sarawak atau lebih dikenali sebagai SCORE amat dibanggakan dan percaya dengan komitmen semua pihak, bakal tenaga muda di Sarawak termasuk graduan wilayah tengah Sarawak itu mampu muncul sebagai nadi penggerak ekonomi Sarawak.

"Saya juga mengucapkan tahniah kerana UNIMAS sentiasa meletakkan keperluan semasa negeri ini dalam penyelidikan yang dijalankan. Antaranya, pembangunan teknologi ICT, tenaga hijau atau tenaga diperbaharui dan usaha ke arah mengoptimalkan industri sago sudah pasti akan membawa manfaat kepada penduduk Sarawak dan pembangunan Sarawak serta Malaysia keseluruhannya," katanya.


Ketua Menteri turut mengalukan penglibatan aktif UNIMAS dalam pelbagai aktiviti pengajaran dan penyelidikan dengan pelbagai agensi kera-

jaan dan swasta dalam dan luar negara.

"Untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia UNIMAS tidak boleh bersifat seperti katak di bawah tempurung, tidak boleh mengharap hanya untuk menjadi seekor ikan besar di dalam kolam yang kecil. Universiti ini perlu berjiwa besar supaya boleh menghasilkan tenaga muda dan golongan pemimpin masa hadapan yang berjiwa besar dan berani untuk memacu kejayaan bangsa dan negara," ujarnya.

Pada sidang ketiga itu seramai 391 graduan menerima ijazah masing-masing yang terdiri daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan seramai 108 graduan dan Fakulti Sains dan Teknologi Sumber 283 graduan.

Konvokesyen UNIMAS Ke-14 menyaksikan seramai 1,765 graduan menerima ijazah masing-masing, daripada jumlah itu seramai lima orang graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah, 301 menerima ijazah sarjana dan 1,459 menerima ijazah.



KEJAYAAN ... Eksekutif Kumpulan Utusan Sarawak/New Sarawak Tribune, William Chan bersama isteri, sedang berkongsi kejayaan bersama anaknya, Patricia Chan, selepas Majlis Konvokesyen Ke-14 UNIMAS di Kota Samarahan, semalam. • AWANG KUSHAIRY JUNAIDI